

16/3/2018

SOALAN NO: 48

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
KAWASAN : KUDAT
TARIKH : 20 MAC 2018, SELASA

SOALAN:

YB DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kementerian bercadang untuk membaiki jalan utama Kota Marudu-Pitas-Paitan dan Kota Marudu-Kudat (turap semula) memandangkan terdapat banyak kerosakan sepanjang jajaran jalan tersebut yang mana telah menyebabkan beberapa siri kemalangan maut.

W7

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Kota Marudu – Pitas - Paitan adalah berstatus jalan Negeri, iaitu di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah. Manakala laluan Kota Marudu Ke Kudat pula merupakan jalan Persekutuan yang disenggara oleh Kementerian ini melalui syarikat konsesi Lintasan Resources Sdn. Bhd.

Bagi laluan Persekutuan Kota Marudu-Kudat pada tahun 2015 sehingga 2017, Kementerian Kerja Raya telah membelanjakan peruntukan penyenggaraan sebanyak RM20.77 juta untuk laluan berkenaan. Ini melibatkan skop rutin, berkala dan kecemasan. Mengenai isu kemalangan, Kementerian Kerja Raya akan melaksanakan Audit Keselamatan Jalanraya dan mendapatkan laporan kemalangan dari pihak polis (POL 27) mengenai statistik kemalangan di jalan berkenaan. Kerja-kerja rawatan kawasan kemalangan adalah tertakluk kepada laporan audit keselamatan jalanraya dan statistik kemalangan dari pihak polis.

Sekian, terima kasih.

118

SOALAN (49)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20 MAC 2018
[SELASA]

DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING
[SERDANG]

SOALAN :

YB DR. ONG KIAN MING [SERDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan syarikat-syarikat yang disenarai pendek untuk loji WTE di Taman Beringin, Kepong, syarikat yang memenangi bida dan anggaran kos projek "Public Private Partnership" (PPP) ini.

119

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak tiga (3) pembida telah disenarai pendek ke peringkat Best and Final Offer (BaFO) untuk proses tender terbuka antarabangsa cadangan Projek Loji Rawatan Sisa Pepejal WTE Kuala Lumpur ini. Setelah penilaian di peringkat BaFO dibuat terhadap aspek teknikal dan komersil, Kerajaan telah bersetuju dengan 1 syarikat sebagai Pembida Berjaya. Pada masa ini, rundingan terhadap deraf Perjanjian Konsesi masih berada di peringkat akhir sebelum diangkat untuk pertimbangan selanjutnya Kerajaan pada suku pertama 2018.

Sekian, terima kasih

Mac 2018